



TERMA & SYARAT AKAUN BUKAN INDIVIDU RHB BANK BERHAD / RHB ISLAMIK BANK BERHAD

Terma dan syarat ini dibaca bersama dengan brosur dan risalah yang dikeluarkan oleh RHB Bank Berhad / RHB Islamik Bank Berhad ("Bank") mengikut jenis-jenis akaun yang dibuka oleh Pelanggan Bank ("Pelanggan/ Pemegang Akaun"). Sebarang akaun yang telah dibuka dan sebarang deposit yang dibuat adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di bawah:

BAHAGIAN 1 - TERMA DAN SYARAT UMUM

1. Membuka Akaun

- 1.1 Pembukaan Akaun RHB ("Akaun") adalah tertakluk kepada syarat dan prosedur Bank (termasuklah umur, deposit minimum, rujukan, maklumat dan dokumen sokongan yang boleh diterima oleh Bank) dan terma dan syarat yang ditetapkan dalam borang permohonan berkaitan dan terma dan syarat yang mengawal operasi perkhidmatan yang dilanggan.
- 1.2 Penerimaan apa-apa permohonan bagi pembukaan Akaun dan berterusannya Akaun itu keseluruhannya adalah mengikut budi bicara Bank.

2. Deposit dan Pengeluaran Wang

- 2.1 Deposit dan pengeluaran wang hendaklah dibuat mengikut cara yang ditetapkan oleh Bank tertakluk kepada syarat Bank terhadap deposit minimum, pengeluaran wang dan baki minimum yang perlu ada dalam Akaun.
- 2.2 Apabila deposit dibuat di cawangan Bank atau melalui mana-mana terminal deposit tunai dan cek, Pelanggan hendaklah menyemak bahawa butir-butir transaksi yang diberikan kepada Pelanggan apabila selesainya transaksi demikian, adalah betul sebelum meninggalkan premis Bank. Sekiranya ada perselisihan, Pelanggan hendaklah dengan serta-merta melaporkannya kepada Bank, dan sekiranya gagal, Bank tidak boleh dikenakan liabiliti ke atasnya.
- 2.3 Penerimaan cek dan instrumen kewangan lain bagi kredit Akaun tersebut adalah mengikut budi bicara Bank.
- 2.4 Semua cek dan instrumen kewangan lain yang diterima bagi kredit akaun adalah tertakluk kepada kutipan hasil.
- 2.5 Bank mempunyai hak untuk membalikkan bayaran apa-apa wang yang tidak dilayan kemudian atau yang tidak diniatkan untuk Akaun tersebut.
- 2.6 Cek atau instrumen kewangan yang telah tidak dilayan boleh diambil oleh Pemegang Akaun sendiri atau oleh wakil yang dibenarkan atau dipulangkan melalui pos kepada Pemegang Akaun ke alamat terakhir yang diketahui seperti yang didaftarkan dengan Bank atas risiko dan perbelanjaan Pemegang Akaun sendiri.
- 2.7 Deposit wang boleh dibuat di mana-mana cawangan Bank. Bank boleh menolak untuk menerima apa-apa deposit wang sekiranya berlaku kerosakan atau kegagalan sistem komputer dalam talian yang berlaku di mana-mana Cawangan Bank sama ada kerosakan atau kegagalan itu berlaku sepenuhnya atau sebahagiannya.
- 2.8 Pengeluaran wang hanya boleh dibuat di cawangan domisil Pelanggan. Bank boleh menolak untuk membenarkan apa-apa pengeluaran wang sekiranya berlaku kerosakan atau kegagalan sistem komputer dalam talian yang berlaku di mana-mana cawangan (-cawangan) Bank sama ada kerosakan atau kegagalan itu berlaku sepenuhnya atau sebahagiannya.
- 2.9 Semua pengeluaran wang secara tunai antara cawangan hanya boleh dibuat di cawangan-cawangan Bank (melainkan dinyatakan selainnya) dalam Malaysia tertakluk kepada syarat sedemikian (termasuklah had pengeluaran wang) dan penunjukan dan/atau pelaksanaan dokumen sedemikian seperti yang Bank sifatkan perlu. Pengeluaran wang secara tunai antara cawangan hanya boleh dibuat oleh Pemegang Akaun pemilik tunggal.
- 2.10 Pemegang Akaun hendaklah memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi dan lunas dalam Akaun bagi melaksanakan apa-apa transaksi yang diarahkan oleh Pemegang Akaun melainkan Pemegang Akaun mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Bank dan Bank telah membuat persetujuan secara bertulis mengenainya.

3. Arahan dan notis daripada Pemegang Akaun

- 3.1 Semua notis yang diberikan oleh Pemegang Akaun kepada Bank hendaklah secara bertulis dan ditandatangani oleh Pemegang Akaun. Apa-apa notis sedemikian hendaklah berkuat kuasa hanya apabila

- Bank telah memperakukan penerimaan notis tersebut.
- 32 Pemegang Akaun hendaklah menanggung rugi Bank terhadap segala kerugian, kerosakan, tuntutan, permohonan, kos dan semua liabiliti yang mungkin dikenakan atau ditanggung berakibat daripada penerimaan dan tindakan Bank terhadap arahan tersebut.
- 33 Penerimaan dan tindakan oleh Bank terhadap apa-apa arahan oleh Pemegang Akaun adalah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Bank.
- 34 Pemegang Akaun mengaku janji untuk memberitahu Bank dengan serta-merta mengenai apa-apa perubahan yang mungkin boleh menjejaskan secara langsung atau tidak langsung operasi Akaun termasuk tetapi tidak terhad kepada perubahan nama, alamat, butiran perhubungan atau butiran lain Pemegang Akaun atau Akaun dengan memberikan notis bertulis kepada Bank, dan sekiranya gagal, Bank berhak untuk menggunakan butiran akhir yang diketahui seperti yang didaftarkan dengan Bank.
- 35 Sekiranya terdapat sebarang kemas kini berkenaan dengan maklumat akaun/status Foreign Account Taxation Compliance Act (FATCA) dan Common Reporting Standard (CRS), Pemegang Akaun mengaku janji untuk memaklumkan pihak RHB dan memberi bukti dokumen yang diperlukan dalam tempoh 30 hari dari tarikh perubahan tersebut. Pemegang Akaun mengizinkan dan memberi kebenaran kepada pihak RHB untuk mengambil sebarang tindakan berikut, jika berkenaan:
- i. Mengenakan sebarang penahanan bayaran cukai yang berkenaan ke atas akaun tersebut
 - ii. Melaporkan atau mendedahkan maklumat relevan berhubung dengan akaun tersebut
 - iii. Menamatkan (dengan notis terlebih dahulu) hubungan kontrak di antara Pemegang Akaun dengan pihak RHB

4. Notis daripada Bank

- 4.1 Atas budi bicara Bank, Bank boleh memberikan apa-apa komunikasi atau notis kepada Pemegang Akaun melalui apa-apa cara atau kaedah seperti yang Bank sifatkan wajar termasuklah tetapi tidak terhad kepada melalui pos, pemberitahuan dalam media, pengeposan notis ke cawangan Bank, memasukkan notis dalam pernyataan berkala akaun, transmisi elektronik (termasuklah melalui faksimile, telefon bimbit atau alat lain atau Internet) atau dengan cara membuat posting dalam laman web Bank atau terminal ATM atau terminal lain di bawah kawalan Bank.
- 4.2 Notis dan komunikasi sedemikian daripada Bank hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat pada tarikh yang dinyatakan dalam notis atau penerbitan dan/atau tarikh pengeposan ke alamat terakhir Pemegang Akaun yang diketahui dan/atau menghantar atau mengirimnya ke nombor faksimile, nombor telefon bimbit/peranti, alamat e-mel atau alamat lain Pemegang Akaun seperti yang didaftarkan dengan Bank.
- 4.3 Akaun tidak dibenarkan untuk kegunaan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang pelanggaran undang-undang, peraturan atau keperluan pengawalseliaan yang lain. Sekiranya Bank mendapati bahawa Akaun tersebut telah digunakan untuk kegiatan yang menyalahi undang-undang, Bank berhak menyekat sebarang pembayaran dan / atau urus niaga, menutup akaun, menggantung, membatalkan atau menamatkan Akaun dengan segera tanpa memberikan apa-apa alasannya.

5. Faedah/Keuntungan

- 5.1 Faedah/Keuntungan, sekiranya ada, akan dibayar oleh Bank pada kekerapan dan pada kadar seperti yang ditetapkan oleh Bank.
- 5.2 Kadar faedah/keuntungan adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara Bank dan kadar faedah/keuntungan terkini boleh dilihat di www.rhbgroup.com.
- 5.3 Bank berhak untuk mengenakan syarat untuk kelayakan faedah/keuntungan kepada Akaun Semasa, seperti baki yang perlu ada dalam akaun untuk melayakkannya mendapat faedah/keuntungan. Bank berhak menurut budi bicara untuk mengubah syarat untuk kelayakan faedah/keuntungan dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pemegang Akaun menurut Fasal 4 diatas.
- 5.4 Tiada faedah/keuntungan yang kena dibayar oleh Bank berhubung dengan item belum bayar dan Bank mempunyai hak untuk melaraskan apa-apa faedah/keuntungan yang terakru atau dikreditkan berhubung dengan item ini.
- 5.5 Faedah/Keuntungan ke atas deposit tetap/berjangka akan terhenti pada tarikh matang.

6. Fi, Caj dan Cukai

- 6.1 Bank berhak mengenakan dan menolak daripada Akaun perkara yang berikut:
- a) Kos, fi, caj termasuk caj biasa bank, komisen, duti setem ke atas transaksi yang dilaksanakan dan bagi perkhidmatan yang disediakan oleh Bank pada kadar seperti yang terpakai dari semasa ke semasa.
 - b) Apa-apa caj perkhidmatan ke atas Akaun dan ke atas perkhidmatan menurut peraturan mana-mana badan/persatuan/pihak berkuasa berperaturan atau Bank;

- c) Penangguhan cukai (withholding) atau cukai lain, levi atau caj walau apa pun yang boleh dikenakan ke atas atau terhadap apa-apa transaksi atau perkhidmatan atau ke atas apa-apa amaun atau faedah/keuntungan yang terhutang kepada Pelanggan pada masa ini atau selepas ini dikenakan oleh undang-undang atau dikehendaki dicaj; dan
- d) Semua perbelanjaan guaman yang dikenakan bagi pemulihan apa-apa keterhutangan Pemegang Akaun di bawah kemudahan kredit atau akaun.
- 6.2 Bank berhak untuk mengenakan dan/atau mengubah fi dan caj sedemikian dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pemegang Akaun dan ia hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang dipilih oleh Bank untuk melaksanakan. Walau bagaimanapun, apa-apa perubahan fi dan caj akan dimaklumkan sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaannya. Menurut budi bicara Bank, notis penambahan sedemikian atau pindaan atau pengubahan hendaklah berkuat kuasa menurut cara yang ditetapkan dalam Fasal 4 Terma dan Syarat Umum ini.
- 6.3 Fi dan caj boleh didapati dalam Fi dan Caj Bank yang boleh dicapai daripada laman web Bank www.rhbggroup.com dan Pemegang Akaun bersetuju untuk terikat oleh Fi dan Caj Bank, yang membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat Umum ini. Fi dan Caj Bank akan diberikan oleh Bank apabila diminta atau dari cawangan Bank atau apa-apa saluran penyampaian lain Bank.
- 6.4 Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan hendaklah menanggung semua yuran profesional, cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan atau GST), dan perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan apa-apa fi lain, perbelanjaan atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan Akaun.

7. Penyata Akaun

- 7.1 Bagi akaun berasaskan penyata, penyata hendaklah dikemukakan secara bulanan atau suku tahunan melainkan diarahkan selainnya atau seperti yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat Khusus.
- 7.2 Bank boleh menghantar penyata akaun bagi setiap satu jenis Akaun atau menghantar satu penyata yang digabungkan untuk semua Akaun itu dan kombinasi jenis-jenis akaun dalam penyata itu adalah tertakluk kepada perubahan.
- 7.3 Pemegang Akaun hendaklah mengesahkan semua entri dalam apa-apa penyata yang dikeluarkan oleh Bank dan memaklumkan kepada Bank secara bertulis bagi apa-apa kesilapan atau perselisihan dalam penyata itu dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh penyata. Sekiranya Bank tidak menerima apa-apa makluman dalam tempoh yang ditetapkan, entri dalam penyata itu hendaklah disifatkan sebagai betul, mengikat, muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
- 7.4 Penyata Elektronik ("e-penyata") adalah merupakan satu kemudahan pilihan yang disediakan oleh Bank dan apabila Pemegang Akaun melanggan kemudahan e-penyata tersebut, penjaan penyata akaun bercetak akan diberhentikan pada tarikh penyata berikutnya. Dengan persetujuan Pemegang Akaun untuk melanggan kemudahan e-penyata, Pemegang Akaun menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan oleh Bank pada masa tersedia ada kemudahan tersebut dan syarat-syarat lain yang akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa

8. Pengendalian dan Penutupan Akaun

- 8.1 Sekiranya tiada transaksi dilakukan ke atas Akaun dalam tempoh masa yang dinyatakan oleh Bank, Bank boleh menganggap bahawa Akaun itu dorman dan boleh mengenakan caj atau fi ke atas akaun itu dan menutupnya tanpa memberikan notis terlebih dahulu kepada Pemegang Akaun dan tanpa memberikan apa-apa alasannya.
- 8.2 Bank juga boleh menutup Akaun atau menarik balik, menggantung atau menamatkan apa-apa atau semua perkhidmatan dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pemegang Akaun menurut apa-apa garis panduan atau peraturan Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan/persatuan/pihak berkuasa berperaturan atau peraturan Bank.
- 8.3 Apabila akaun ditutup sama ada oleh Pemegang Akaun ataupun oleh Bank, semua buku/lembaran cek yang tidak dipakai yang dikeluarkan kepada Pemegang Akaun berhubung dengan akaun semasa hendaklah dikembalikan kepada Bank.
- 8.4 Caj perkhidmatan bagi sejumlah amaun yang ditetapkan oleh Bank akan dikenakan sekiranya apa-apa Akaun ditutup dalam tempoh 6 bulan (atau tempoh masa lain seperti yang ditetapkan oleh Bank) dari tarikh Akaun itu dibuka.
- 8.5 Di bawah Akta Wang Tak Dituntut, 1965 atau apa-apa pindaan statutori padanya, apa-apa wang dalam Akaun yang tidak beroperasi selama tujuh (7) tahun termasuk apa-apa faedah/keuntungan yang terakru kepada kredit Akaun mesti diwartakan sebagai "Wang Tak Dituntut" dan hendaklah dikirimkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut dan Akaun itu terus ditutup.

9. Tolak Selesai dan Penggabungan

- 9.1 Bank berhak, dengan memberikan notis terlebih dahulu [tidak kurang daripada tujuh (7) hari kalendar] menurut cara seperti yang ditetapkan dalam Fasal 4 di atas, untuk menyatukan atau menggabungkan Akaun dengan mana-mana atau semua akaun lain yang dikekalkan oleh Pemegang Akaun dengan Bank untuk menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah wang yang dikreditkan dalam mana-mana akaun sedemikian bagi jumlah wang yang terhutang kepada Bank bagi memenuhi apa-apa atau semua liabiliti kepada Bank, sama ada liabiliti sedemikian itu sebenar, luar jangka, utama, bercagar dan berasingan. Hak bank menurut dokumen ini hendaklah tidak dijejaskan oleh kebangkrapan, pembubaran, ketidakwarasan atau kematian Pemegang Akaun itu.

10. Had Liabiliti

- 10.1 Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh Pemegang Akaun dan Pemegang Akaun hendaklah melepaskan Bank daripada semua liabiliti walau apa pun dan yang timbul walau bagaimana cara pun secara langsung atau secara tidak langsung daripada atau berkaitan dengan tindakan mengekalkan, apa-apa penggunaan, penggunaan yang diniatkan bagi walau apa-apa pun produk/perkhidmatan/kemudahan Bank dan/atau Kad/PIN/kata laluan oleh Pemegang Akaun atau mana-mana orang lain atau sebagai akibat daripada apa-apa tindakan atau tinggalan atau pelanggaran apa-apa Terma dan Syarat ini oleh Pemegang Akaun.

11. Tanggung Rugi

- 11.1 Pemegang Akaun hendaklah bertanggung dan menanggung rugi sepenuhnya Bank bagi dan terhadap apa-apa tuntutan, prosiding, kerugian, kerosakan dan kos (termasuk kos guaman) yang dikenakan dan/atau ditanggung oleh Bank yang timbul daripada penerimaan apa-apa arahan yang diberikan oleh Pemegang Akaun Bank (tanpa mengambil kira sama ada arahan itu mungkin satu fraud atau tidak dibenarkan) atau sebagai akibat daripada apa-apa tindakan atau tinggalan atau pelanggaran apa-apa Terma dan Syarat ini oleh Pemegang Akaun, melainkan dan kecuali jika ia disebabkan oleh kecuaiian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak Bank.
- 11.2 Tanggung rugi ini hendaklah berterusan tanpa mengambil kira tamat atau tidaknya apa-apa perkhidmatan dan/atau penutupan apa-apa akaun.

12. Terma dan Syarat

- 12.1 Terma dan Syarat ini mengatasi semua terma dan syarat sebelumnya yang mengawal Akaun yang dinyatakan dalam perjanjian ini, melainkan dinyatakan selainnya oleh Bank. Bank berhak untuk meminda, menambah dan/atau mengatasi Terma dan Syarat ini atau memperkenalkan terma baru untuk memenuhi keperluan produk atau perkhidmatan baru dengan memberikan duapuluh satu (21) hari kalendar notis kepada Pemegang Akaun sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan menurut Fasal 4 di atas.
- 12.2 Tindakan meneruskan operasi akaun atau tidak menutup Akaun atau meneruskan penggunaan disifatkan sebagai membentuk penerimaan perubahan sedemikian tanpa keraguan oleh Pemegang Akaun.
- 12.3 Terma dan Syarat ini boleh didapati apabila diminta daripada mana-mana cawangan Bank atau daripada laman web Bank atau melalui apa-apa saluran penyampaian seperti yang Bank akan tentukan dari semasa ke semasa.
- 12.4 Bank boleh menawarkan ciri, produk dan perkhidmatan baru atau tambahan kepada Pemegang Akaun dan penerimaan Pemegang Akaun atau penggunaan ciri, produk dan perkhidmatan tambahan itu hendaklah berdasarkan Terma dan Syarat dan terma tambahan seperti yang mungkin ditetapkan oleh Bank.

13. Lain-lain Perkara

- 13.1 Dalam hal dimana Pemegang Akaun telah memilih "ya" berkaitan dengan pendedahan maklumat untuk tujuan silang (cross selling), pemasaran jualan dan promosi dan persetujuan seterusnya serta memberi kuasa untuk pemindahan maklumat untuk sebarang tujuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penilaian kredit, untuk menggunakan, menganalisa dan menilai maklumat untuk tujuan memperbaiki dan meneruskan penyediaan produk dan perkhidmatan oleh Bank didalam permohonan Akaun, dan Pemegang Akaun kemudian ingin memilih "tidak" atau sebaliknya, Pemegang Akaun boleh menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan RHB untuk menukar pilihan tersebut.

14. Undang-Undang yang Berkuat Kuasa

- 14.1 Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk kepada, dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang

Malaysia dan peraturan, pengawalan dan garis panduan Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-Bank Malaysia dan badan berkaitan lain, yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

15. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) (“**AMLA**”)

Pelanggan/ Pemegang Akaun dengan ini: -

(i) mewakili dan menjamin, dan berjanji dengan Bank: -

- a) Pelanggan/ Pemegang Akaun tidak terlibat, dan tidak boleh melibatkan diri pada bila-bila masa, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
- b) Pelanggan/ Pemegang Akaun tidak memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan, dan tidak boleh pada bila-bila masa memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
- c) Pelanggan/ Pemegang Akaun tidak mengalih keluar atau membawa masuk ke Malaysia, dan tidak boleh pada bila-bila masa mengalih keluar atau membawa masuk ke Malaysia hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan; dan
- d) Pelanggan/ Pemegang Akaun tidak menyembunyikan, menyamar atau menghalang, dan tidak boleh pada bila-bila masa menyembunyikan, menyamar atau menghalang, pemastian sifat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hakmilik, hak berkenaan dengan, atau pemilikan, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan.

Dalam hal ini: -

“peralatan kesalahan” bermaksud: -

- a) apa-apa benda yang digunakan dalam, atau berkaitan dengan, pelakuan mana-mana aktiviti haram; atau
- b) apa-apa harta yang keseluruhannya atau sebahagiannya digunakan dalam, atau berkaitan dengan, pelakuan mana-mana aktiviti haram,

sama ada benda atau harta itu terletak di dalam atau di luar Malaysia.

“hasil daripada aktiviti haram” bermaksud mana-mana harta, atau apa-apa kelebihan ekonomi atau keuntungan ekonomi daripada harta itu, di dalam atau di luar Malaysia: -

- a) yang keseluruhannya atau sebahagiannya: -
 - (i) diperolehi atau didapati, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana orang daripada apa-apa aktiviti haram;
 - (ii) diperolehi atau didapati daripada pelupusan atau urusan lain dengan harta yang disebut dalam subperenggan (i); atau
 - (iii) diperolehi dengan menggunakan harta yang diperolehi atau didapati oleh mana-mana orang melalui pelupusan atau urusan lain yang disebut dalam subperenggan (i) atau (ii); atau
- b) yang, keseluruhannya atau sebahagiannya, disebabkan oleh sebarang keadaan seperti sifat, nilai, lokasi atau tempat penemuannya, atau pada masa, cara atau tempat pemerolehannya, atau orang yang daripadanya harta itu diperolehi, atau perkaitannya dengan harta lain yang disebut dalam subperenggan (a)(i), (ii) atau (iii), boleh dipercayai secara munasabah sebagai harta yang termasuk dalam skop subperenggan (a)(i), (ii) atau (iii);

“harta” bermaksud: -

- a) tiap-tiap jenis aset, sama ada yang zahir atau tidak zahir, harta alih atau tak alih, yang ketara atau tidak ketara, walau bagaimanapun diperolehi; atau
- b) dokumen atau surat cara undang-undang dalam sebarang bentuk, termasuk elektronik atau digital, yang membuktikan hakmilik, atau kepentingan mengenai, aset tersebut, termasuk mata wang, kredit bank, deposit dan sumber kewangan yang lain, cek kembara, cek bank, kiriman wang, produk pasaran modal, draf dan surat kredit,

sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia, dan termasuklah kepentingan di sisi undang-undang atau kepentingan ekuiti, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, dalam mana-mana harta itu;

“aktiviti haram” bermaksud: -

- a) apa-apa aktiviti yang merupakan mana-mana kesalahan berat atau mana-mana kesalahan berat asing; atau
- b) apa-apa aktiviti yang bersifat sedemikian, atau yang berlaku dalam hal keadaan sedemikian, yang aktiviti itu mengakibatkan atau menyebabkan pelakuan mana-mana kesalahan berat atau kesalahan berat asing,

tidak kira sama ada aktiviti itu, keseluruhannya atau sebahagiannya, berlaku di dalam atau di luar Malaysia;

“kesalahan berat” bermaksud: -

- a) mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua AMLA;
- b) percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan tersebut; atau

c) persubahatan mana-mana kesalahan tersebut;

“**transaksi**” termasuklah suatu perkiraan untuk membuka suatu akaun yang melibatkan dua (2) orang atau lebih dan apa-apa transaksi yang berkaitan antara mana-mana orang yang berkenaan itu dengan orang lain.

(ii) Pelanggan/ Pemegang Akaun mengakui dan bersetuju dengan Bank bahawa: -

- a) Bank berkewajipan untuk mematuhi semua undang-undang, peraturan, arahan, dokumen dasar, garis panduan, petunjuk praktik, sekatan, piawaian dan amalan industri dan keperluan lain yang terpakai termasuk tanpa had Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, Akta Perdagangan Strategik 2010 dan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013/ Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana pihak Bank sebagai institusi kewangan berlesen/institusi kewangan Islam boleh dari semasa ke semasa tertakluk kepada (secara kolektif, "Keperluan Peraturan");
- b) Bank berhak untuk melakukan atau menahan diri dari melakukan apa-apa tindakan atau perkara, untuk mematuhi Keperluan Peraturan;
- c) jika Bank berpendapat bahawa sebarang peristiwa atau keadaan (sama ada berkaitan atau tidak), yang akan menjadikannya tidak sah atau menyalahi undang-undang bagi Bank untuk meluluskan Akaun atau memberikan atau menyediakan, atau untuk mengeluarkan apa-apa dana di bawah, Akaun, telah berlaku atau timbul, atau kelulusan Akaun atau pemberian atau penyediaan, atau pengeluaran mana-mana dana di bawah Akaun, akan melanggar mana-mana Keperluan Peraturan (Secara keseluruhan atau sebahagian), termasuk tanpa had penerimaan Bank mengenai sebarang maklumat atau padanan nama positif dari semakan berkaitan yang dijalankan ke atas Pelanggan dan mana-mana pihak ketiga berkaitan yang terlibat dalam urusan niaga asas (tanpa had batasan Vendor/ pemaju/ pengajur/ ejen/ pemegang amanah/ pembekal yang mana dana di bawah Akaun dan/atau transaksi akan dikeluarkan) oleh Bank menurut Keperluan Peraturan, maka, walau apa pun yang bertentangan terkandung dalam Akaun ini, Bank hendaklah, pada bila-bila masa dengan memberikan tidak kurang daripada 14 hari bekerja notis bertulis atau tempoh yang lebih singkat seperti yang diperlukan atau dibenarkan oleh Keperluan Peraturan tersebut, berhak untuk:
 - i. menolak Akaun Pelanggan dan melakukan semua tindakan dan perkara yang diperlukan untuk mematuhi Keperluan Peraturan;
 - ii. menggantung Akaun dan melakukan semua tindakan dan perkara yang mungkin perlu untuk mematuhi Keperluan Peraturan; dan / atau
 - iii. membatalkan Akaun dan menamatkan hubungannya dengan Pelanggan Akaun dan melakukan semua tindakan dan perkara yang mungkin perlu untuk mematuhi Keperluan Peraturan.

Jika Akaun dibatalkan / ditamatkan oleh Bank menurut pematuhan mereka kepada Keperluan Peraturan: -

- i. Hutang dan semua wang tertunggak akan serta merta tamat tempoh dan perlu dibayar;
 - ii. tiada penggunaan atau penggunaan selanjutnya di bawah Akaun dibenarkan; dan
 - iii. Bank berhak untuk melaksanakan semua atau mana-mana hak dan pemulihan yang tersedia untuknya dibawah Akaun dan dokumen keselamatan ini dan undang-undang yang terpakai atau sebaliknya;
- d) Pelanggan/ Pemegang Akaun akan menyediakan semua dokumen dan maklumat seperti yang dikehendaki oleh Bank (setiap masa sepanjang tempoh hubungan perniagaan) untuk tujuan mematuhi Keperluan Peraturan;
- e) Bank berhak untuk membekukan dan/atau menutup akaun Pelanggan/Pemegang Akaun/kemudahan di bawah kawalannya atau disebabkan oleh sebarang sumber kepadanya, menurut perintah dari agensi penguatkuasaan sehingga pemberitahuan selanjutnya (perintah pembatalan) diterima dari agensi penguatkuasaan tersebut atau penghentian perintah (yang mana satu yang terdahulu); atau melainkan ada perintah variasi.

(iii) Pelanggan/ Pemegang Akaun berjanji dan bersetuju dengan Bank bahawa: -

- a) Pelanggan/ Pemegang Akaun akan sentiasa mematuhi langkah-langkah Bank dalam melaksanakan kewajipan mereka untuk mematuhi Keperluan Peraturan;
- b) Pelanggan/ Pemegang Akaun akan bertanggungjawab sepenuhnya jika didapati melanggar Keperluan Peraturan yang menyebabkan kesan undang-undang kepada Bank disebabkan oleh tindakannya; dan
- c) Pelanggan/ Pemegang Akaun memahami bahawa sebarang pelanggaran disebabkan oleh AMLA dan keperluan sekatan adalah tidak boleh dirunding.

Dengan menerima Terma-terma & Syarat-syarat ini, Pelanggan/ Pemegang Akaun memberi jaminan kepada RHB bahawa:

- a) Pelanggan/ Pemegang Akaun akan mematuhi semua undang-undang anti-rasuah dan anti-sogokan, seperti Akta

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 beserta kesemua undang-undang dan peraturan lain berkaitan anti-rasuah dan anti-sogokan seperti yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa;

- b) Pelanggan/ Pemegang Akaun telah membaca dan memahami RHB Banking Group's Anti-Bribery & Corruption Policy (tersedia di laman web www.rhbgroup.com) dan mengesahkan pendirian sifar toleransi RHB terhadap rasuah;
- c) Pelanggan/ Pemegang Akaun akan memastikan semua urusan perniagaan yang dijalankan dengan Kumpulan Perbankan RHB akan dijalankan dengan penuh integriti;
- d) Sekiranya Pelanggan/ Pemegang Akaun mengetahui atau mengesyaki sebarang tawaran atau permintaan berbaur suapan atau rasuah seperti pembayaran, hadiah atau pemindahan nilai lain sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada mana-mana pihak berkaitan yang akan melanggar mana-mana undang-undang anti-rasuah atau anti-sogokan atau peraturan lain yang berkaitan, Pelanggan/ Pemegang Akaun akan segera mendedahkan aktiviti tersebut kepada RHB melalui saluran saluran pemberian maklumat utama Kumpulan RHB, speakup@rhbgroup.com. Pelanggan/ Pemegang Akaun mengesahkan bahawa semua urusan pemberian maklumat akan diuruskan mengikut RHB's Group Whistleblowing Policy (tersedia di www.rhbgroup.com).

Untuk sebarang maklumat tambahan oleh RHB mengenai amalan anti-sogokan dan rasuah, anda boleh menghubungi bahagian Group Integrity & Governance melalui integrity.governance@rhbgroup.com.

BAHAGIAN 2 – TERMA DAN SYARAT KHUSUS

Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C Terma dan Syarat Khusus ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Umum bagi Perkhidmatan yang RHB Bank Berhad tawarkan kepada anda.

Bahagian D Terma dan Syarat Khusus ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Umum bagi Perkhidmatan yang RHB Islamic Bank Berhad tawarkan kepada anda. Rujukan kepada "Bank" di Bahagian D Terma dan Syarat Khusus ini merujuk kepada RHB Islamic Bank Berhad.

PERKHIDMATAN RHB BANK BERHAD

A. AKAUN SEMASA

1. Cek dan Buku Cek

- 1.1 Pemegang Akaun hendaklah pada setiap masa menggunakan hanya cek yang dibekalkan oleh Bank untuk digunakan dengan apa-apa Akaun Semasa RHB.
- 1.2 Pemegang Akaun hendaklah mengaku janji untuk memastikan keselamatan semua cek pada setiap masa dan untuk membuat laporan polis dengan segera dan memaklumkan kepada Bank bagi apa-apa kehilangan cek secara bertulis dan sekiranya gagal berbuat demikian, Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang timbul daripada kehilangan cek yang berlaku dengan apa-apa cara pun.
- 1.3 Pemegang Akaun hendaklah memastikan bahawa dana yang ada dalam Akaun adalah mencukupi pada setiap masa bagi pembayaran cek yang dikeluarkan.
- 1.4 Bank berhak menolak untuk melunaskan cek yang tandatangan pemegang Akaun berbeza daripada spesimen tandatangan yang diberikan atau cek yang tidak ditunaikan menurut cara yang boleh diterima oleh Bank.
- 1.5 Tiada perubahan walau apa pun boleh dibuat pada cek. Bank berhak untuk tidak melunaskan dan memulangkan cek yang menurut pendapat Bank telah diubah (sama ada ditandatangani dua kali oleh penyuruh bayar atau selainnya). Bank juga berhak untuk tidak melunaskan apa-apa cek yang cacat atau mempunyai kesilapan teknikal termasuk tetapi tidak terhad kepada cek lewat tarikh, cek yang tidak konsisten perkataan dan angkanya atau yang mempunyai tulisan tangan yang tidak dapat dibaca.
- 1.6 Bank akan merekodkan apa-apa arahan yang bertentangan bagi pembayaran cek hanya apabila surat arahan ditandatangani oleh Pemegang Akaun diterima oleh Bank dan Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang disebabkan oleh kegagalan pemegang Akaun untuk memaklumkan kepada Bank.
- 1.7 Semua cek adalah harta Bank dan apabila Akaun ditutup, sama ada oleh Pemegang Akaun atau oleh Bank termasuklah semua cek yang tidak digunakan.

2. Mengeluarkan Terlebih Wang

- 2.1 Mengeluarkan terlebih wang tidak dibenarkan melainkan Pemegang Akaun mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Bank. Faedah ke atas mengeluarkan terlebih wang bagi Akaun Semasa hendaklah dikira berdasarkan baki debit harian pada kadar yang ditetapkan oleh Bank dan hendaklah didebitkan kepada Akaun secara bulanan atau pada selang masa sedemikian seperti yang mungkin ditetapkan oleh Bank.

3. Cek Tak Laku

- 3.1 Bank berhak untuk tidak melayan apa-apa cek yang dikeluarkan oleh Pemegang Akaun sekiranya dana dalam Akaun tidak mencukupi bagi pembayaran cek ("Cek Tak Layan").
- 3.2 Bank berhak untuk menutup atau mengenakan sekatan/syarat ka atas semua atau mana-mana Akaun Pemegang Akaun dengan Bank sekiranya ia tidak dikendalikan secara memuaskan atau telah disenaraikan dalam Sistem Maklumat Cek Tak Layan (DCHEQS) atau di mana-mana biro kredit atau mana-mana organisasi atau perbadanan sama ada atau tidak biro, organisasi atau badan sedemikian pernah diperakui atau diperakui atau diluluskan oleh mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa atau badan berperaturan.

4. Penyata Akaun

- 4.1 Penyata Akaun akan dikeluarkan kepada Pemegang Akaun pada setiap bulan

B. DEPOSIT TETAP

1. Peletakan Deposit

- 1.1 Deposit tetap boleh diletakkan untuk tempoh pemegangan beberapa kali selama satu (1) bulan sehingga enam puluh (60) bulan atau tempoh pemegangan lain seperti yang mungkin ditetapkan oleh Bank. Tanpa mengambil kira yang di atas, sekiranya tarikh matang jatuh pada bukan Hari Perniagaan, maka apa-apa arahan pembaharuan/penghapusan oleh Pemegang Akaun akan di bawa pada Hari Perniagaan yang berikutnya.
- 1.2 Bank berhak untuk menetapkan dan mengubah, dari semasa ke semasa, amaun minimum deposit untuk membuka Akaun Deposit Tetap.
- 1.3 Kesahihan dan ada atau tidaknya apa-apa dana yang didepositkan dalam Akaun Deposit Tetap melalui cek (-cek) adalah tertakluk kepada sama ada jelas atau tidaknya cek tersebut.

2. Faedah

- 2.1 Semua Deposit Tetap dengan Pilihan Pembaharuan Auto akan diperbaharui secara automatik apabila matang mengikut budi bicara Bank bagi tempoh lanjutan yang sama pada kadar faedah semasa pada masa deposit itu diperbaharui. Faedah yang terakru akan dicampurkan semasa pembaharuan.

3. Pengeluaran Pra-Matang

- 3.1 Tiada faedah akan dibayar untuk pengeluaran Deposit Tetap sebelum tamat tempoh kontrak, tanpa mengira bilangan bulan yang dilengkapkan pada masa pengeluaran pra-matang.

C. AKAUN SEMASA PELBAGAI MATAWANG / KOMODITI

1. Umum

- 1.1 Terma dan syarat ini terpakai bagi kedua-dua Akaun Deposit Bertempoh dan Panggilan (secara kolektif dirujuk sebagai "MCA") yang dibuka atau akan dibuka dengan Bank.
- 1.2 Bank berhak untuk menetapkan jenis mata wang asing yang boleh diterima dan kadar faedah bagi deposit tertakluk kepada tempoh pemegangan tertentu dan syarat yang perinciannya boleh dilihat sepenuhnya di www.rhbgroup.com.
- 1.3 Pembukaan MCA dengan Bank akan ditakbir dengan mematuhi peruntukan Notis Dasar Pertukaran Asing ("FEPN") dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan pindaannya dari semasa ke semasa.
- 1.4 Selaras dengan Peraturan FEPN, semua akaun mata wang asing yang dikendalikan oleh Pemastautin Malaysia dengan bank tempatan berlesen di Malaysia akan ditetapkan sama ada Akaun Pelbagai Matawang Asing Perdagangan (Trade MCA) atau Akaun Pelbagai Matawang Asing Pelaburan (Investment MCA) berdasarkan tujuan pembukaan akaun. Sumber dan penggunaan dana yang diluluskan bagi kedua-dua MCA Perdagangan dan Pelaburan MCA adalah seperti FEPN/arahan yang dikeluarkan oleh BNM (Lampiran 1). Klasifikasi MCA oleh Bank adalah seperti di bawah:
 - i. Bagi Individu, Akaun MCA-Individu (INDA) dan Akaun MCA-Pendidikan dan Pekerjaan (EDEA) diklasifikasikan sebagai Pelaburan MCA (FCA Pelaburan di bawah langkah baru BNM), sementara, Akaun MCA-Pelaburan Eksport Individu (INEX) diklasifikasikan sebagai Perdagangan MCA (FCA Perdagangan di bawah kaedah baru BNM).
 - ii. Bagi Entiti, Akaun MCA-Pelaburan Eksport (EXPA) diklasifikasikan sebagai Perdagangan MCA (FCA Perdagangan di bawah langkah baru BNM), sementara, Akaun MCA-Pelaburan Bukan Eksport (NEPA) diklasifikasikan sebagai Pelaburan MCA (FCA Pelaburan di bawah langkah baru BNM).
- 1.5 Operasi, sumber dan penggunaan dana ke dan dari MCA Perdagangan dan Pelaburan dengan bank akan ditadbir oleh peruntukan yang berkaitan di bawah peraturan FEPN, peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh BNM dari masa ke semasa dan pindaannya ke atasnya dari semasa ke semasa.
- 1.6 MCA adalah akaun bukan tunai. Hasil Eksport dan Bukan Eksport hanya boleh didepositkan melalui pindahan telegraf, draf bank asing, cek atau instrumen boleh niaga dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh Bank. Hasil apa-apa Ringgit Malaysia atau cek mata wang asing lain, draf atau instrumen boleh niaga dan wang yang kena dibayar kepada Pemegang Akaun hendaklah dikreditkan kepada MCA pada kadar pertukaran yang akan ditentukan oleh Bank.
- 1.7 Tiada pengeluaran wang daripada akaun tersebut dibenarkan dalam apa-apa mata wang asing secara tunai. Bank akan menghantar satu makluman rasmi bagi semua jumlah wang yang diterima bagi kredit akaun.
- 1.8 Semua pembelian dan penjualan mata wang asing mesti dilakukan melalui cawangan dominan akaun RHB anda kerana tiada transaksi antara cawangan dibenarkan.
- 1.9 Bank berhak untuk mengenakan caj perkhidmatan berhubung dengan operasi Akaun. Caj perkhidmatan yang terpakai akan dimaklumkan kepada Pemegang Akaun dari semasa ke semasa menurut cara yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat Umum ini. Penyata Akaun akan dikeluarkan kepada Pemegang Akaun setiap bulan.
- 1.10 Bank tidak bertanggungjawab atau bertanggunggan bagi apa-apa kerugian yang berakibat daripada kiriman

- wang atau pindahan hasil apa-apa deposit yang ditarik balik di mana hasil sedemikian dikirim atau dipindahkan menurut arahan yang diberikan oleh Pemegang Akaun.
- 1.11 Melainkan arahan diterima pada tarikh peletakan Deposit Bertempoh atau sekurang-kurangnya dua (2) hari perniagaan sebelum satu deposit bertempoh matang, satu Deposit Bertempoh akan diperbaharui secara automatik apabila matang bagi satu tempoh pemegangan yang sama bagi mata wang yang sama pada kadar faedah semasa pada masa deposit itu diperbaharui. Faedah yang terakru akan dikompaunkan semasa pembaharuan dibuat.
- 1.12 Bagi pembaharuan Deposit Bertempoh, Bank akan menghantar satu makluman rasmi ke alamat terakhir Pemegang Akaun yang didaftarkan dengan bank. Maklumat baru itu akan mengatasi dan menggantikan maklumat sebelumnya.
- 1.13 Pengeluaran wang pra-matang Deposit Bertempoh tidak dibenarkan melainkan di bawah keadaan berkecuali dan mengikut budi bicara Bank. Apa-apa penarikan balik deposit pra-matang akan menyebabkan denda yang akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya.
- 1.14 Tiada deposit boleh diserahkan, dicajkan, disandarkan atau selainnya dibebankan oleh Pemegang Akaun dalam apa-apa cara pun kecuali dengan mendapat persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada Bank.
- 1.15 Bank tidak bertanggung jawab atau bertanggung terhadap Pemegang Akaun bagi apa-apa penyusutan dalam nilai mata wang deposit disebabkan oleh cukai, impos, susut nilai atau turun nilai, atau kerana tiadanya mata wang itu disebabkan oleh sekatan terhadap kebolehtukaran, tuntutan, pindahan tanpa sukarela, kuasa tentera atau rampasan kuasa, atau apa-apa sebab pun yang di luar kawalan Bank.
- 1.16 Pemegang Akaun perlu menanggung risiko tindakan undang-undang negara asing berhubung dengan tiadanya pembayaran balik deposit sekiranya pembayaran balik itu menjadi salah di sisi undang-undang atau tertunda oleh apa-apa tindakan atau perintah kerajaan bagi mata wang yang terbabit atau negara yang deposit itu diletakkan secara alternatif dan Bank hendaklah tidak dikenakan liabiliti disebabkan oleh apa-apa perubahan dalam undang-undang terpakai, peraturan atau perintah kerajaan, oleh negara bagi mata wang berkenaan, atau di negara yang deposit itu diletakkan.
- 1.17 Bagi Pemastautin Malaysia dengan pinjaman domestik, penukaran Ringgit kepada mata wang asing dan deposit ke dalam Pelaburan MCA adalah tertakluk kepada had yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia iaitu: RM50juta setahun untuk akaun syarikat dan RM1juta setahun untuk akaun individu. Tiada had dikenakan untuk Pemastautin Malaysia tanpa sebarang pinjaman domestik. Tidak berkenaan dengan bukan Pemastautin Malaysia.
- 1.18 Bank berhak untuk menetapkan had komited atau had dalaman kepada Akaun yang mungkin kurang daripada had yang layak menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Notis 3 Pelaburan dalam Aset Mata Wang Asing. Ini juga terpakai kepada Akaun di mana tiada had telah dikenakan. Had komited atau had dalaman ini tertakluk kepada semakan berkala oleh Bank.
- 1.19 Pengeksport Pemastautin Malaysia dibenarkan mengekalkan sehingga 25% daripada hasil eksport dalam mata wang asing manakala sekurang-kurangnya 75% daripada hasil eksport mesti ditukarkan menjadi Ringgit (pada kadar yang dianggap sesuai oleh Bank) dan akan dikreditkan ke dalam akaun Ringgit menggunakan kadar yang diterbitkan atau kadar kontrak, jika Bank tidak menerima permintaan penukaran daripada pelanggan pengeksport Pemastautin Malaysia:
- Menjelang pukul 4.00 p.m. pada hari perniagaan yang sama untuk penerimaan mata wang asing yang diterima sebelum 12.00p.m.;
 - Menjelang pukul 4.00 p.m. pada hari berikutnya bagi hasil mata wang asing diterima dari pukul 12.00 pagi seterusnya; atau
 - Hari perniagaan berikutnya untuk penerimaan mata wang asing yang diterima pada cuti umum.
- 1.20 Pemegang Akaun mestilah mendapat kelulusan bertulis daripada BNM terlebih dahulu jika ingin mengekalkan lebih daripada 25% hasil eksport mata wang asing dalam Perdagangan MCA.
- 1.21 Baki 25% daripada hasil eksport Mata Wang Asing boleh dikekalkan di dalam MCA Perdagangan untuk tujuan bayaran balik pembayaran / pembiayaan pinjaman, pembayaran import atau pemindahan ke Pelaburan MCA. Pemegang Akaun boleh meminta dari Bank untuk menukar semula secara serentak hasil eksport pada kadar yang sama pada obligasi pembayaran (disokong dengan asas firma dan / atau antisipatif) hingga 6 bulan, jika MCA Perdagangan yang dikekalkan tidak mencukupi dengan menyediakan dokumen di bawah untuk Bank:
- Bukti dokumen untuk obligasi firma; dan
 - Membuat pengisytiharan untuk obligasi antisipatif.
- (borang arahan telah dibuat khusus untuk memudahkan arahan pelanggan seperti yang dinyatakan dalam Lampiran A)
- 1.22 Kaedah terbaru di bawah FEPN juga akan digunakan untuk semua hasil pinjaman/pembiayaan berdasarkan urus niaga eksport, di mana sekurang-kurangnya 75% daripada hasil pembiayaan mesti ditukar kepada Ringgit dan pelanggan boleh mengekalkan sehingga 25% daripada hasil pembiayaan dalam Asing Mata Wang. Sebarang permintaan untuk pengambilan balik akan mengikuti proses yang sama seperti yang dinyatakan dalam perkara 1.21 di atas.
- 1.23 Semua hasil mata wang asing untuk eksport barangan hendaklah dikreditkan ke dalam Perdagangan MCA sahaja.
- 1.24 Semua mata wang THB dalam RHB Akaun Berbilang Matawang Asing ditakrifkan sebagai Akaun Baht Bukan

- Pemastautin (NRBA) untuk menampung dana THB bagi tujuan penyelesaian dalam perdagangan, perkhidmatan, pinjaman atau aktiviti pelaburan langsung di Thailand SAHAJA. RHB Akaun Berbilang Matawang Asing TIDAK menampung dana THB / penyelesaian yang tidak dalam kategori yang sama seperti Sekuriti Baht Bukan Pemastautin (NRBS).
- 1.25 Penukaran dana IDR kepada Ringgit atau mata wang asing lain dalam RHB Akaun Berbilang Matawang Asing tertakluk kepada kedalaman pasaran atau ketersediaan rakan niaga.
- 1.26 Pemegang Akaun hendaklah memberi Bank sebarang maklumat yang dikehendaki oleh Bank dari semasa ke semasa berkaitan dengan Peraturan FEA.
- 1.27 Akaun yang mempunyai baki tertunggak sifar untuk tiga (3) bulan berturut-turut adalah tertakluk kepada penutupan dalam tempoh empat belas (14) hari perniagaan selepas notis bertulis diberikan kepada Pemegang Akaun.
- 1.28 Bank berhak untuk menukar dan menghantar wang tersebut kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut dalam Ringgit Malaysia atau dalam mana-mana mata wang asing lain sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Bank pada kadar penukaran yang sedia ada.
- 1.29 Bank bebas pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pemegang Akaun menurut cara yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat Umum untuk menolak selesai jumlah wang yang didepositkan atau mana-mana bahagiannya terhadap keterhutangan sedemikian di Malaysia dan luar negara, sebenar atau luar jangka, utama atau kolateral, bersesama dan berasingan walaupun keterhutangan sedemikian adalah dalam mata wang yang berbeza daripada deposit dan Bank diberi kuasa untuk menguatkuasakan apa-apa pertukaran yang perlu pada kadar pertukaran yang akan ditentukan oleh Bank.
- 1.30 Walau apa pun terma dan syarat di atas, pembukaan dan operasi MCA adalah tertakluk kepada amalan perbankan dan undang-undang Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, peraturan Persatuan Bank di Malaysia dan peraturan dan notis yang terpakai bagi pertukaran asing urus niaga di bawah Kawalan Pertukaran Asing untuk Malaysia seperti yang ditentukan oleh Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing (FEA) dan mana-mana badan pengawalseliaan lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia termasuk apa-apa pindaan yang dibuat kepada undang-undang dan peraturan dari semasa ke semasa.

2. Akaun Komoditi MCA

- 2.1 Membeli dan menjual pelaburan komoditi i.e. Emas dan Perak mestilah dibayar dengan Ringgit Malaysia (RM) sahaja.
- Pelaburan asas minimum yang diperlukan
- Emas
- I. Individu – 5 grams
- II. Perniagaan – 50 grams
- III. Pembelian minimum yang berikut adalah 1 gram dalam gandaan 1 gram
- Perak
- I. Individu – 300 grams
- II. Perniagaan – 1000 gram
- III. Pembelian minimum yang berikut adalah 10 grams dalam gandaan 1 gram
- 2.2 Pemegang Akaun tidak akan memperolehi sebarang faedah menerusi pelaburan komoditi. Oleh itu, pelaburan komoditi Pemegang Akaun akan diletakkan dalam bentuk panggilan tanpa faedah dan tiada peletakan tempoh akan dibenarkan.
- 2.3 Semua pembelian dan penjualan pelaburan komoditi Pemegang Akaun mesti dibuat melalui cawangan domisil RHB Pemegang Akaun kerana urus niaga antara cawangan tidak dibenarkan.
- 2.4 Baki pelaburan komoditi tidak boleh dipindahkan dari satu akaun ke akaun yang lain sama ada antara cawangan RHB atau ke bank lain. Oleh itu, pemindahan telegraf tidak boleh digunakan.
- 2.5 Penukaran kertas komoditi Pemegang Akaun kepada bentuk fizikal tidak dapat dilakukan buat masa ini.
- 2.6 Sijil pelaburan komoditi Pemegang Akaun tidak akan dikeluarkan kerana Bank, di peringkat cawangan akan hanya mengiktiraf urus niaga komoditi Pemegang Akaun melalui pengesahan sistem Bank pada borang permohonan Pemegang Akaun dan juga baki yang dinyatakan dalam penyata bulanan Pemegang Akaun atau yang ditunjukkan dalam pertanyaan baki perbankan internet RHB Now.
- 2.7 Penukaran daripada bentuk fizikal kepada bentuk kertas dan deposit ke dalam akaun Pemegang Akaun tidak boleh dilakukan sama sekali.
- 2.8 Harga pembelian dan penjualan komoditi mengikut kadar komoditi harian RHB akan diterbitkan di www.rhbgroup.com atau mana-mana cawangan RHB
- 2.9 RHB berhak menerima atau menolak urus niaga yang pada pendapat RHB boleh melanggar mana-mana undang-undang dan peraturan seperti Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Permbiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) (“AMLA”), Notis Dasar Pertukaran Asing (FEPN) dan sebagainya.

D. PERKHIDMATAN RHB ISLAMIC BANK BERHAD

1. Akaun Semasa

Cek dan Buku Cek

- 1.1 Anda hendaklah pada setiap masa menggunakan hanya cek yang dibekalkan oleh kami berhubung dengan mana-mana akaun semasa kami.
- 1.2 Anda hendaklah mengaku janji untuk memastikan keselamatan semua cek pada setiap masa dan untuk membuat laporan polis dengan segera dan memaklumkan kami secara bertulis berkenaan kehilangan cek dan sekiranya gagal berbuat demikian, kami tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang timbul daripada apa-apa cara pengendalian terhadap cek yang hilang.
- 1.3 Anda hendaklah memastikan bahawa dana yang ada dalam akaun semasa anda adalah mencukupi pada setiap masa bagi pembayaran cek yang dikeluarkan.
- 1.4 Kami berhak menolak untuk melunaskan cek yang mana tandatangan pemegang akaun adalah berbeza daripada spesimen tandatangan yang diberikan atau cek yang tidak ditunaikan menurut cara yang boleh diterima oleh kami.
- 1.5 Tiada apa-apa perubahan boleh dibuat terhadap cek. Kami berhak untuk tidak melunaskan dan memulangkan cek yang menurut pendapat kami telah diubah (sama ada telah ditandatangani balas oleh penyuruh bayar atau selainnya). Kami juga berhak untuk tidak melunaskan apa-apa cek yang cacat atau mempunyai kesilapan teknikal termasuk cek lewat tarikh, cek yang tidak konsisten perkataan dan angkanya atau yang mempunyai tulisan tangan yang tidak dapat dibaca.
- 1.6 Kami akan melaksanakan apa-apa arahan yang membatalkan pembayaran cek hanya apabila surat arahan ditandatangani oleh anda diterima oleh kami. Kami tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang disebabkan oleh kegagalan anda untuk memaklumkan kami.
- 1.7 Semua cek, termasuklah semua cek yang tidak digunakan, adalah tetap hak milik kami. Apabila akaun semasa ditutup, sama ada oleh anda atau kami, semua buku/helaian cek yang belum digunakan yang dikeluarkan kepada anda berkenaan dengan akaun semasa hendaklah dikembalikan kepada kami.
- 1.8 Cek adalah tertakluk kepada semua kaedah, peraturan, dasar dan garis panduan yang terpakai termasuk garis panduan BNM tentang Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (CTCS).

Cek Tak Laku

- 1.9 Kami berhak untuk tidak melayan apa-apa cek yang dikeluarkan oleh anda sekiranya dana dalam akaun semasa anda tidak mencukupi untuk pembayaran cek dan jika terdapat kesilapan teknikal yang lain (contohnya, kesilapan tulisan tangan atau kesalahan tipografi).
- 1.10 Kami berhak untuk menutup atau mengenakan sekatan/syarat dengan memberikan notis bertulis empat belas (14) hari kalendar terlebih dahulu dengan alasan kepada anda, ke atas semua atau mana-mana akaun semasa anda dengan kami, jika ia tidak dijalankan dengan memuaskan atau telah disenaraikan dalam sistem pemantauan cek tidak laku oleh Bank.

Penyata Akaun

- 1.11 Penyata akaun semasa akan dihantar kepada anda bergantung kepada kekerapan pengeluaran penyata mengikut produk yang ditawarkan.

Semua akaun semasa dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

2. Akaun Semasa-i Komoditi Murabahah (CMCA-i)

- 2.1 CMCA-i akan beroperasi sesuai dengan konsep Syariah Komoditi Murabahah (kos tambah keuntungan) melalui aturan Tawarruq (pengewangan). Di bawah prinsip ini, anda melantik kami sebagai ejen untuk melaksanakan semua tindakan sebagaimana yang boleh dilakukan oleh anda berkaitan pembelian barangan dan komoditi yang mematuhi Syariah dalam pasaran tempatan pada harga pembelian yang dipersetujui bersama antara anda dengan kami ("Harga Pembelian").
- 2.2 Produk ini ditawarkan bagi tujuan pengambilan deposit.
- 2.3 Komoditi merujuk kepada mana-mana komoditi ditentukan oleh kami yang halal dan mematuhi prinsip-prinsip Syariah dalam keadaan "sepertimana sedia ada", tanpa apa-apa perwakilan atau waranti daripada kami berkenaan kualiti, keadaan, bilangan dan deskripsi dan tanpa liabiliti ke atas kami bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau kemerosotan yang tidak dikaitkan dengan kecuiaan berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak Bank ("Komoditi").
- 2.4 Pemindahan komoditi hendaklah dibuktikan melalui e-sijil Komoditi.
- 2.5 Kami akan membeli Komoditi daripada anda pada harga jualan yang terdiri daripada Harga Pembelian dan keuntungan berasaskan kaedah tunggak ("Harga Jualan").
- 2.6 Tempoh Harga Jualan adalah baki hari dari hari peletakan deposit sehingga hujung tahun tersebut ("Tempoh").
- 2.7 Semua CMCA-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. Untuk maklumat lanjut mengenai had perlindungan dan lain-lain, sila layari www.pidm.gov.my.

Pelantikan Sebagai Ejen

- 2.8 Anda bersetuju untuk melantik kami dan kami bersetuju untuk menerima pelantikan sebagai ejen anda ("Ejen") untuk:
- (a) melakukan dan melaksanakan pembelian dan penjualan Komoditi mengikut Terma dan Syarat ini; dan
 - (b) berunding dengan pedagang Komoditi, firma industri, pembekal dan pelanggan mereka bagi pihak anda yang mana berkaitan pembelian dan penjualan Komoditi.
- 2.9 Anda tidak boleh membatalkan pelantikan kami sebagai Ejen selagi CMCA-i masih aktif. Pelantikan kami sebagai Ejen akan tamat dengan penutupan CMCA-i.
- 2.10 Setiap transaksi akan dilaksanakan oleh kami atas nama anda secara telus. Kami sebagai Ejen akan memastikan kepentingan terbaik anda dan melaksanakan tanggungjawab dan berurusan dalam transaksi dengan niat baik.
- 2.11 Kami juga diberi kuasa untuk mewakili hak dan tanggungjawab sebagai Ejen kepada pihak ketiga untuk melakukan segala tindakan yang perlu untuk menyelesaikan urusan niaga yang diperlukan.
- 2.12 Anda dipertanggungjawabkan terhadap urusan niaga perdagangan yang disebut dalam Fasal 2.16 ("Transaksi Perdagangan") yang dilaksanakan oleh kami sebagai Ejen, kecuali jika apa-apa tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang timbul daripada kecuaiian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan Ejen.
- 2.13 Anda akan menanggung rugi kami bagi tuntutan yang pertama terhadap segala kerugian, tuntutan, tindakan undang-undang, prosiding, kerosakan kos dan perbelanjaan apa pun yang dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung atau dialami oleh kami hasil dari pembelian dan penjualan Komoditi di bawah Terma dan Syarat ini sebagai Ejen, atau pelanggaran perjanjian oleh anda atas mana-mana kewajipan anda menurut Terma dan Syarat ini melainkan jika kerugian, tuntutan, tindakan undang-undang, prosiding, kerosakan kos dan perbelanjaan berkenaan adalah disebabkan oleh kecuaiian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan oleh pihak kami sebagai Ejen.
- 2.14 Tanggung rugi yang diberikan akan berkekalan walaupun Terma dan Syarat ini telah ditamatkan dan setiap jumlah yang dibayar tidak akan tertakluk kepada apa-apa potongan, penolakan, tuntutan balas atau sebaliknya.
- 2.15 Kami tidak diwajibkan untuk membuat mana-mana transaksi atau mengikut mana-mana arahan anda, jika pada pendapat kami dengan membuat urusan niaga tersebut atau mengikut arahan tersebut, kami atau mana-mana pihak yang berkenaan dengan kami akan melanggar mana-mana undang-undang, polisi dan peraturan.

Transaksi Perdagangan

- 2.16 Tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di Terma dan Syarat ini, Transaksi Murabahah adalah seperti berikut:
- a) Pada mana-mana Hari Perniagaan, anda hendaklah membuat peletakan deposit dengan mendepositkan jumlah minimum yang diperlukan (deposit awal) untuk mengaktifkan CMCA-i.
 - b) Dengan membuat peletakan deposit, anda melantik kami sebagai Ejen dan mengarahkan kami untuk membuat transaksi pembelian Komoditi bagi amaun bersamaan dengan amaun deposit bagi sepanjang Tempoh ("Transaksi Pembelian").
 - c) Pada keesokan harinya, kami sebagai Ejen dan bagi pihak anda, akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada pembekal menggunakan amaun yang telah didepositkan.
 - d) Selepas mendapatkan pemilikan Komoditi bagi anda, kami sebagai Ejen anda kemudiannya akan menjual Komoditi tersebut kepada kami pada Harga Jualan ("Transaksi Jualan") berdasarkan kaedah pembayaran tunggal.
 - e) Tertakluk kepada rebat, kami akan membayar Harga Jualan secara ansuran di mana Keuntungan akan dikreditkan setiap bulan dan prinsipal akan dibayar berdasarkan mekanisme tuntutan balas (seperti yang akan dinyatakan di Fasal 2.22 di bawah).
 - f) Pada hari terakhir Tempoh ("Tarikh Matang"), kami akan membayar baki tertunggak Harga Jualan tolak rebat (jika berkenaan) di bawah Transaksi Jualan dan seterusnya membuat transaksi Murabahah Komoditi melalui perundingan Tawarruq yang baru untuk tempoh baru mengikut Terma dan Syarat ini.
 - g) Transaksi Pembelian dan Transaksi Jualan secara kolektifnya akan dirujuk sebagai Transaksi Perdagangan.
 - h) Bayaran broker/perdagangan untuk membeli dan menjual Komoditi akan ditanggung oleh kami.

2.17 Dagangan Komoditi

Dagangan Komoditi akan diadakan pada setiap hari berdasarkan jumlah yang ada pada penghujung hari iaitu pada pukul 11.59 malam dan jumlah tersebut akan didagangkan pada hari berikutnya ("Dagangan Komoditi").

2.18 Amaun Dagangan

Amaun dagangan akan ditentukan dengan mengambil baki harian deposit terkumpul dan jumlah pengeluaran untuk hari berkenaan ("Baki Harian"):

- a) Jika deposit harian adalah lebih besar daripada pengeluaran harian, Dagangan Komoditi akan dilakukan ke atas Baki Harian.
- b) Jika pengeluaran harian adalah sama atau lebih besar daripada jumlah deposit bagi hari tersebut, jumlah dagangan akan menjadi tiada maka tiada Dagangan Komoditi akan berlaku.

2.19 Pengiraan Keuntungan

Pengiraan Harga Jualan untuk tujuan perdagangan dan keuntungan sebenar yang diterima oleh anda adalah berdasarkan formula berikut:

<p>Harga Jualan = $Baki\ Harian\ CMCA-i \times (1 + CPR\ \% \times (Jumlah\ Hari^* / 365))$</p>	<p>**Keuntungan Sebenar = $Baki\ Terkumpul\ CMCA-i \times EPR\ \%^{***} \times (1/365)$</p>
<p><i>*Bilangan hari akan ditentukan berdasarkan pada baki hari dari tarikh peletakan deposit sehingga hari akhir tempoh peletakan. (Pengkreditan keuntungan akan dilakukan pada setiap bulan). CPR: Kadar Keuntungan Kontrak CPR digunakan sebagai kadar siling untuk menentukan Harga Jualan. CPR semasa ialah 4.0%.</i></p>	<p><i>** Keuntungan Sebenar akan diakru setiap hari dan akan dikreditkan ke akaun pelanggan setiap bulan. ***Kadar Keuntungan Efektif (EPR) adalah berbeza mengikut produk masing-masing.</i></p>

2.20 Rebat (Ibra')

Anda bersetuju untuk memberikan rebat berdasarkan formula yang berikut:

- a) Jika pengeluaran harian lebih besar dari deposit harian:
 $Baki\ Harian \times CPR \times (Bilangan\ Hari^* / 365)$
- b) Apabila EPR lebih rendah daripada CPR
 $Baki\ Terkumpul\ CMCA-i \times (CPR - EPR) \times (Bilangan\ Hari^{**} / 365)$
- c) Jika ada perubahan pada CPR
 $Baki\ Terkumpul\ CMCA-i \times CPR\ terdahulu \times (Bilangan\ Hari^{***} / 365)$

**Baki hari dari tarikh pengeluaran sehingga Tarikh Matang*

*** Dari hari peletakan deposit hingga hari pengkreditan keuntungan*

**** Baki hari dari CPR baru hingga Tarikh Matang.*

2.21 Pemberitahuan Penyempurnaan Dagangan

Anda akan dimaklumkan melalui penyata bank berkenaan jumlah transaksi, tarikh transaksi dan kadar Keuntungan yang layak.

2.22 Mekanisma Tuntutan balas disebabkan oleh Deposit dan Pengeluaran Baru

- i. Deposit baru (anda melantik kami sebagai Ejen untuk membeli dan menjual Komoditi bagi pihak anda) dan pengeluaran (Qard (pinjaman) daripada kami kepada anda) akan ditolak setiap hari antara satu sama lain pada penghujung hari.
- ii. Sekiranya pengeluaran harian adalah lebih besar daripada deposit harian, pembayaran Harga Jualan akan dipercepatkan dan ditolak dengan amaun pengeluaran yang relevan.
- iii. Meskipun di atas, sebaik sahaja anda mengarahkan kami untuk melaksanakan Transaksi Pembelian dan anda gagal menjelaskan bayaran bagi Harga Pembelian Komoditi pada tarikh pembelian yang berkenaan, anda harus menanggung segala kerugian sebenar dan membayar gantirugi kepada kami sepertimana tercatat dalam Fasal 2.13 di atas.

2.23 Transaksi Akaun

- i. Sekiranya anda membuat deposit melalui cek, kami akan mendahulukan wang sendiri untuk tujuan Dagangan Komoditi melalui Qard (pinjaman) sebelum penjelasan cek selesai. Jumlah yang didahulukan oleh kami akan ditolak daripada jumlah penjelasan selepas itu.
- ii. Kami akan memperbaharui akaun anda secara automatik selepas tamatnya setiap Tarikh Matang.
- iii. Anda boleh membuat apa-apa transaksi yang dibenarkan seperti deposit, pengeluaran atau pemindahan melalui mana-mana kaedah berikut: Melalui kaunter (OTC), ATM, Perbankan dalam Talian RHB, Aplikasi Perbankan Mudah Alih RHB atau apa-apa kemudahan lain yang disediakan oleh kami.

3. Akaun Semasa-i Qard (Qard CA-i)

Prinsip Syariah

Qard CA-i adalah berdasarkan kontrak Syariah Qard. Qard merujuk kepada kontrak pinjaman wang oleh pemberi pinjaman (Pelanggan) kepada peminjam (Bank) di mana pihak peminjam adalah terikat untuk membayar balik jumlah penggantian bersamaan dengan pemberi pinjaman.

Nota: Ini juga terpakai untuk Akaun Semasa-i Qard Basic (Qard Basic CA-i)

4. "Qard Multi Currency Current Account-i (QMCCA-i)"

Umum

- 4.1 QMCCA-i adalah *Multi Currency Current Account-i* berdasarkan kontrak Syariah Qard. Qard merujuk kepada kontrak pinjaman wang oleh pemberi pinjaman (Pelanggan) kepada peminjam (Bank) di mana peminjam dikehendaki membayar balik jumlah pengganti yang setara kepada pemberi pinjaman.
- 4.2 Kami berhak untuk menetapkan jenis mata wang asing yang boleh diterima dan hibah (hadiah) boleh diberikan mengikut budi bicara kami.

- 4.3 QMCCA-i adalah akaun bukan tunai. Hasil eksport dan bukan eksport hanya boleh didepositkan melalui pindahan telegraf, draf/cek asing, dan/atau kepada/daripada akaun Ringgit Malaysia atau instrumen boleh niaga dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh kami.
- 4.4 Hasil dari apa-apa Ringgit Malaysia atau cek mata wang asing lain, draf atau instrumen boleh niaga dan wang yang kena dibayar kepada anda hendaklah dikreditkan kepada QMCCA-i pada kadar tukaran yang berlaku pada tarikh pembayaran atau apa-apa kadar yang dipersetujui oleh anda pada tarikh pembayaran. Kami akan menghantar satu makluman rasmi bagi semua jumlah wang yang diterima bagi kredit QMCCA-i.
- 4.5 Tiada pengeluaran wang daripada QMCCA-i dibenarkan dalam apa-apa mata wang asing secara tunai.
- 4.6 Semua jual beli mata wang asing perlu dibuat melalui akaun anda di cawangan domisil Bank. Transaksi antara cawangan tidak dibenarkan.
- 4.7 Kami berhak untuk mengenakan caj perkhidmatan berhubung dengan operasi QMCCA-i. Caj perkhidmatan yang terpakai akan dimaklumkan kepada anda dari semasa ke semasa menurut cara yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini. Penyata akaun akan dikeluarkan kepada anda setiap bulan.
- 4.8 Kami tidak bertanggungjawab atau bertanggung bagi apa-apa kerugian yang berakibat daripada kiriman wang atau pindahan hasil apa-apa deposit yang ditarik balik di mana hasil sedemikian dikirim atau dipindahkan menurut arahan yang diberikan oleh anda (melainkan jika hal tersebut disebabkan oleh kecuaiian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan kami).
- 4.9 Tiada deposit boleh diserahkan, dicajkan, disandarkan atau selainnya dibebankan oleh anda dalam apa-apa cara pun kecuali dengan mendapat persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada kami.
- 4.10 Sekiranya pembayaran balik deposit menjadi salah di sisi undang-undang atau tertunda oleh apa-apa tindakan atau perintah kerajaan bagi mata wang yang terbabit atau negara yang deposit itu diletakkan secara alternatif, kami hendaklah tidak mengenakan liabiliti disebabkan oleh apa-apa perubahan dalam undang-undang terpakai, peraturan atau perintah kerajaan, oleh negara bagi mata wang berkenaan, atau di negara yang deposit itu diletakkan. Anda hendaklah menerima risiko tindakan undang-undang negara asing tersebut.
- 4.11 Kami berhak untuk menetapkan satu had komited atau had dalaman kepada QMCCA-i yang mungkin kurang daripada had yang dibenarkan menurut IFSA 2013 dan Notis 3 Notis Dasar Pertukaran Asing. Ini juga terpakai kepada Akaun di mana tiada had telah dikenakan. Had komited dan dalaman ini hendaklah tertakluk kepada semakan berkala oleh kami.
- 4.12 Untuk Pemastautin dengan pembiayaan domestik yang:
 - i. Menukar Ringgit Malaysia ke mata wang asing; atau
 - ii. Menggunakan dana mata wang asing dalam FCA Perdagangan,
 - iii. untuk pelaburan dalam mata wang asing atau deposit ke dalam QMCCA-i adalah tertakluk kepada had yang ditetapkan oleh BNM, iaitu sehingga RM1 juta setahun bagi akaun individu. Tiada had dikenakan kepada Pemastautin yang tidak mempunyai Pinjaman/Pembiayaan Ringgit Domestik. Tidak terpakai kepada Bukan Pemastautin.
- 4.13 Kami bebas pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis tidak kurang dari tujuh (7) hari kalendar kepada anda menurut cara yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini untuk menolak selesai jumlah wang yang didepositkan atau mana-mana bahagiannya terhadap keterhutangan sedemikian di Malaysia dan luar negara, sebenar atau luar jangka, utama atau kolateral, bersesama dan berasingan tanpa mengambil kira keterhutangan sedemikian dalam mata wang yang berbeza daripada deposit dan kami diberi kuasa untuk menguatkuasakan apa-apa pertukaran yang perlu pada kadar pertukaran yang akan ditentukan dan dimaklumkan secara bertulis oleh kami.
- 4.14 Tanpa mengambil kira terma dan syarat di atas, pembukaan dan operasi QMCCA-i adalah tertakluk kepada amalan perbankan dan undang-undang Malaysia, IFSA 2013, peraturan dan undang-undang AIBIM, peraturan dan notis yang terpakai bagi pertukaran asing di bawah Notis Dasar Pertukaran Asing termasuk apa-apa pindaan yang dibuat pada undang-undang, peraturan dan pengawalan sedemikian dari semasa ke semasa.

5. Komoditi Murabahah Deposit-i (CMD-i)

Terma dan Syarat Am Komoditi Murabahah Deposit-i

- 5.1 Komoditi Murabahah Deposit-i akan beroperasi sesuai dengan konsep Syariah Komoditi Murabahah (kos tambah keuntungan) melalui aturan Tawarruq (pengewangan). Di bawah prinsip ini, anda melantik kami sebagai ejen untuk melaksanakan semua tindakan sebagaimana yang boleh dilakukan oleh anda berkaitan pembelian barangan dan komoditi yang mematuhi Syariah dalam pasaran tempatan pada harga pembelian yang dipersetujui bersama antara anda dengan kami ("**Harga Pembelian**").
- 5.2 Produk ini ditawarkan bagi tujuan pengambilan deposit.
- 5.3 Dengan membuat deposit dan/atau peletakan berikutnya, anda bersetuju dengan terma dan syarat ini.
- 5.4 Komoditi merujuk kepada mana-mana komoditi ditentukan oleh kami yang halal dan mematuhi prinsip-prinsip Syariah dalam keadaan "sepertimana sedia ada", tanpa apa-apa perwakilan atau waranti daripada kami berkenaan kualiti, keadaan, bilangan dan deskripsi dan tanpa liabiliti ke atas kami bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau kemerosotan yang tidak dikaitkan dengan kecuaiian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan Bank ("Komoditi").
- 5.5 Pemindahan Komoditi akan dibuktikan melalui e-sijil Komoditi.
- 5.6 Kami akan membeli Komoditi daripada anda pada harga jualan yang terdiri daripada Harga Pembelian dan keuntungan berasaskan kaedah tunggak ("**Harga Jualan**").
- 5.7 Pilihan pembayaran keuntungan adalah semasa tarikh matang, bulanan, suku tahun, setengah tahun dan tahunan. Anda boleh memilih pembayaran tunai dahulu daripada kami.
- 5.8 Bayaran tunai dahulu hendaklah dianggap sebagai deposit jaminan ("**Hamish Jiddiyah**") oleh kami untuk menjamin janji untuk membeli aset tersebut dan ia diberikan atas dasar amanah.
- 5.9 Sebaik sahaja memasuki kontrak jual beli, deposit jaminan akan dianggap sebagai sebahagian daripada pembayaran Harga Jualan yang dipersetujui.
- 5.10 Tempoh Komoditi Murabahah Deposit-i adalah sebagaimana ditentukan oleh kami ("**Tempoh**").
- 5.11 Wang yang didepositkan mestilah dalam Ringgit Malaysia sahaja.

- 5.12 Slip makluman Komoditi Murabahah Deposit-i akan dikeluarkan kepada anda selepas deposit dilaksanakan. Anda hendaklah segera menghubungi kami sekiranya terdapat percanggahan setelah menerima slip makluman Komoditi Murabahah Deposit-i. Sekiranya anda gagal menghubungi kami, slip makluman Komoditi Murabahah Deposit-i tersebut akan dianggap betul, konklusif dan muktamad.

Pelantikan Sebagai Ejen

- 5.13 Anda bersetuju untuk melantik kami dan kami bersetuju untuk menerima pelantikan sebagai ejen anda ("Ejen") untuk melakukan dan melaksanakan pembelian dan penjualan Komoditi mengikut Terma dan Syarat ini dan berunding dengan pedagang Komoditi, firma industri, pembekal dan pelanggan mereka bagi pihak anda yang mana berkaitan pembelian dan penjualan Komoditi.
- 5.14 Setiap transaksi akan dilaksanakan oleh kami atas nama anda secara telus. Kami sebagai Ejen akan memastikan kepentingan terbaik anda dan melaksanakan tanggungjawab dan berurusan dalam transaksi dengan niat baik.
- 5.15 Kami juga diberi kuasa untuk mewakili hak dan tanggungjawab sebagai Ejen kepada pihak ketiga untuk melakukan segala tindakan yang perlu untuk menyiapkan urusan niaga yang diperlukan.
- 5.16 Anda dipertanggungjawabkan terhadap urusan niaga perdagangan yang disebut dalam 5.20 di bawah ("Transaksi Perdagangan") yang dilaksanakan oleh kami sebagai Ejen, kecuali jika apa-apa tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang timbul daripada kecuaiian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan Ejen.
- 5.17 Anda akan menanggung rugi kami bagi tuntutan yang pertama terhadap segala kerugian, tuntutan, tindakan undang-undang, prosiding, kerosakan, kos dan perbelanjaan apa pun yang dibawa atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung atau dialami oleh kami hasil dari pembelian dan penjualan Komoditi di bawah Terma dan Syarat ini sebagai Ejen, atau pelanggaran perjanjian oleh anda atas mana-mana kewajipan anda menurut Terma dan Syarat ini melainkan jika kerugian, tuntutan, tindakan undang-undang, prosiding, kerosakan kos dan perbelanjaan berkenaan adalah disebabkan oleh kecuaiian berat, salah laku sengaja, kelalaian sengaja atau penipuan kami sebagai Ejen.
- 5.18 Tanggung rugi yang diberikan akan berkekalan walaupun Terma dan Syarat ini telah ditamatkan dan setiap jumlah yang dibayar tidak akan tertakluk kepada apa-apa potongan, penolakan, tuntutan balas atau sebaliknya.
- 5.19 Kami tidak diwajibkan untuk membuat mana-mana transaksi atau mengikut mana-mana arahan anda, jika pada pendapat kami dengan membuat urusan niaga tersebut atau mengikut arahan tersebut, kami atau mana-mana pihak yang berkenaan dengan kami akan melanggar mana-mana undang-undang, polisi dan peraturan.

Transaksi Perdagangan

- 5.20 Tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di Terma dan Syarat ini, Transaksi Murabahah adalah seperti berikut:
- Pada mana-mana Hari Perniagaan, anda melantik kami sebagai Ejen dan mengarahkan kami untuk melaksanakan transaksi pembelian Komoditi dalam jumlah yang sama dengan amaun deposit dalam Tempoh yang dipilih dengan melakukan peletakan deposit ("Transaksi Pembelian")
 - Untuk tujuan peletakan deposit, anda perlu membayar atau mengarahkan kami untuk mendebitkan akaun semasa anda (yang telah dibuka dengan kami) bagi jumlah bersamaan Harga Pembelian untuk Transaksi Pembelian;
 - Secara serentak (atau pada Hari Perniagaan seterusnya), kami, sebagai Ejen untuk dan bagi pihak anda, akan membeli Komoditi pada Harga Pembelian daripada Pembekal;
 - Selepas mendapatkan pemilikan Komoditi bagi anda, kami sebagai Ejen anda kemudiannya akan menjual Komoditi tersebut kepada kami pada Harga Jualan ("**Transaksi Jualan**") berdasarkan kaedah pembayaran tunggak;
 - Pada hari terakhir Tempoh ("**Tarikh Matang**"), kami akan membayar harga jualan tertanggung di bawah Transaksi Jualan ("**Harga Jualan Tertanggung**") menurut arahan yang diberikan oleh anda sepertimana di dalam slip makluman Deposit-i Komoditi Murabahah;
 - Transaksi Pembelian dan Transaksi Jualan secara kolektifnya akan dirujuk sebagai Transaksi
- 5.21 Meskipun, sebaik sahaja anda mengarahkan kami untuk melaksanakan Transaksi Pembelian dan anda telah gagal menjelaskan bayaran bagi Harga Belian Komoditi pada tarikh pembelian yang berkenaan, anda harus menanggung segala kerugian sebenar dan membayar ganti rugi kepada kami sepertimana tercatat dalam Fasal 5.17.
- 5.22 Untuk tujuan Transaksi Perdagangan dan Terma dan Syarat ini, istilah "Hari Perniagaan" bermaksud hari (tidak termasuk Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) di mana Bank dibuka untuk tujuan perniagaan di Malaysia.

Pengeluaran Pra Matang

- 5.23 Tiada keuntungan akan dibayar untuk pengeluaran Komoditi Murabahah Deposit-i sebelum tamat tempoh kontrak, tanpa mengira bilangan bulan yang dilengkapkan pada masa pengeluaran pra-matang.

Arahan Pembaharuan

- 5.24 Anda mengarahkan dan membenarkan kami untuk memperbaharui akaun Komoditi Murabahah Deposit-i anda selepas tamat setiap Tarikh Matang tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam slip makluman Komoditi Murabahah Deposit-i, penerimaan anda terhadap Komoditi Murabahah dan Terma dan Syarat Khusus ini. Anda hendaklah terus melantik kami sebagai Ejen untuk menjalankan Transaksi Perdagangan untuk tujuan pembaharuan.
- 5.25 Jika slip makluman Komoditi Murabahah Deposit-i hilang, dicuri, dirosakkan atau lusuh, pelanggan hendaklah merujuk kepada Penyata Akaun Bulanan kerana tiada cetakan semula slip makluman.

Komoditi Murabahah Deposit-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.